

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	6/4/2012

Jumaat
6 April 2012

BERITA HARIAN

BN serius, komited maju negara

Muhyiddin mahu rakyat terus sokong kepemimpinan capai Wawasan 2020

Oleh Azmi Md Deros, Siti Fatimah Mohamed Anwar dan Nahar Tajri
bhnews@bharian.com.my

SUNGAI PETANI: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan Barisan Nasional (BN) serius dan komited menjadikan Malaysia negara berpendapatan tinggi dengan pendapatan rakyat meningkat dua kali ganda kepada AS\$19,000 atau hampir RM60,000 setahun pada 2020.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bagi mencapai matlamat itu BN tidak akan membebankan rakyat dengan pelbagai kenaikan kos, sebaliknya memberi jaminan akan menunaikan janji yang dibuat.

"Kerajaan BN sentiasa memikirkan cara, usaha dan pelbagai bantuan bagi membantu rakyat, malahan Belanjawan 2012 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak banyak menyentuh kepentingan rakyat. Dalam masa lapan tahun lagi, sasaran pendapatan mesti meningkat dua kali ganda," katanya ketika berucap pada perjumpaan dengan peniaga kecil dan pemandu teksi di Kedah, di Padang Awam Taman Ria di sini, semalam.

Kira-kira 1,500 orang, termasuk Pengerusi Perhubungan UMNO Kedah, Datuk Paduka Ahmad Bashah Md Hanipah hadir.

Muhyiddin berkata, berbilion-bilion ringgit dikeluarkan sebagai pinjaman mudah kepada rakyat dan banyak lagi program sedang dirangka untuk membantu rakyat menjadi usahawan.

Beliau juga berkata, Perdana Menteri akan mengumumkan berita baik kepada lebih 40,000 pengusaha dan pemandu teksi seluruh negara dalam masa terdekat. Timbalan Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan masing-masing RM120,000 kepada 12 persatuan pemandu teksi dan 12 persatuan peniaga kecil di Kedah.

Sementara itu, Muhyiddin berkata, kewujudan Jawatankuasa Pemandu dan pelantikan semula dua



MUHYIDDIN berbual bersama wakil pertubuhan peniaga kecil dan pemandu teksi pada majlis perjumpaan di Padang Awam Taman Ria, Sungai Petani, semalam.

bekas EXCO negeri yang sebelum ini menentang kepemimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak akan memberi kesan buruk terhadap kelancaran pentadbiran negeri, terutama dalam aspek pembangunan dan ekonomi.

Katanya, krisis kepemimpinan dalam kerajaan PAS Kedah dijang-

ka tidak akan berkesudahan, sebaliknya akan menjadi lebih rumit sehingga menyusahkan rakyat.

Beliau juga berkata, keputusan PAS Pusat mewujudkan Jawatankuasa Pemandu sebagai badan pemantau pentadbiran kerajaan negeri akan melambatkan proses pembangunan negeri apabila setiap keputusan dibuat Menteri Besar, termasuk apa yang dirasakan terbaik perlu dirujuk terlebih dulu sebelum diluluskan.

"Rakyat dan pelabur tidak akan percaya dengan pentadbiran begini kerana proses mendapat kelulusan akan lewat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Kilang Malaysian NPK Fertilizer Sdn Bhd di sini.

Dalam perjumpaan dengan lebih 10,000 guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan SJK Tamil di negeri ini, Muhyiddin berkata, kerajaan tidak pernah bercadang ma-

hu menutup sekolah aliran berkeajaan dan menyifatkan dakwaan itu sebagai satu pembohongan.

Beliau juga mengumumkan bantuan RM14.4 juta untuk 89 SJKC dan 58 SJKT seluruh Kedah.

Ketika berucap dalam perjumpaan dengan nelayan di Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuala Kedah, Muhyiddin berkata, kerajaan akan menarik balik pembekuan lesen nelayan pesisir pantai (Zon A) yang dibuat lima tahun lalu bagi membolehkan nelayan tanpa lesen mendapat pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan.

Katanya, mereka dibenarkan mendaftar perlu nelayan aktif dan mendapat pengesahan persatuan nelayan negeri di seluruh negara.

"Kita berharap dengan mengeluarkan semula lesen ini akan membantu nelayan meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.



Bagi mencapai matlamat itu BN tidak akan membebankan rakyat dengan pelbagai kenaikan kos, sebaliknya memberi jaminan akan menunaikan janji dibuat

Muhyiddin Yassin
Timbalan Perdana Menteri